

Dialog, kerjasama pragmatik kunci kendali hubungan rumit

Davos (Switzerland): Dialog dan kerjasama pragmatik ialah kunci utama dalam mengemudi hubungan antarabangsa yang kompleks, terutama dalam konteks pembabitan Malaysia dengan kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan China.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penting bagi negara untuk membabitkan diri dengan berhati-hati dan membina.

"Saya tidak berpeluang bertemu dengan Presiden (AS) Donald Trump, namun daripada apa yang saya dengar mengenai pengumuman yang dibuatnya, saya rasa beliau akan menjadi sangat pragmatik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi 'Country Strategy Dialogue' yang dikendalikan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, di luar Sidang Kemuncak Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025 di sini, semasa dirujuk mengenai apa yang akan ditanya beliau sekiranya Presiden China Xi Jinping dan Presiden Trump berkongsi pentas yang sama.

Walaupun pengumuman yang dibuat Trump merujuk kepada kepentingan pengundinya dan AS itu dilihat membimbangkan

di tengah-tengah globalisasi, Anwar yang juga Menteri Kewangan percaya, Presiden AS itu pasti sedar dengan kepentingan untuk saling bergantung di antara negara.

"Saya rasa beliau juga tahu mengenai kepentingan AS dengan saling bergantung di antara negara dan beliau perlu untuk melihat banyak kepentingan di luar, termasuk China," katanya.

Kedudukan Malaysia unik

Mengenai beberapa pembabitan dengan Presiden Xi pula, Perdana Menteri berkata, terdapat kesediaan untuk mempelajari dan membabitkan diri dalam banyak bidang, termasuk dalam apa yang disifatkan Barat sebagai Laut China Selatan yang sangat dipertikai.

Anwar menyifatkan kedudukan Malaysia amat unik, sebagai sebuah negara maritim yang bersempadan dengan semua negara di ASEAN dan juga China.

"Kami juga ada isu yang belum selesai dengan Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina, (tetapi) mengapakah mereka hanya bangkitkan masalah dengan China?"

Kemudian mereka katakan, oh.. adakah anda defensif? Tidak, itu tidak benar. Saya hanya meny-



Anwar bersama Tengku Zafrul pada sesi 'Country Strategy Dialogue' sempena WEF 2025 di Davos, semalam.

(Foto BERNAMA)

takan fakta. Adakah terdapat masalah? Ya, ada masalah, tetapi masalahnya membabitkan wilayah. Adakah kita akan melancarkan perang disebabkan? Tidak."

Perdana Menteri berkata, penting untuk mendekati perkara itu bukan dengan cara yang defensif, tetapi dengan komitmen untuk berdialog.

Beliau berkata, bagi tujuan itu, Malaysia proaktif dalam mencari penyelesaian secara kerjasama.

"(Sebagai contoh) Kami masih mempunyai beberapa masalah dengan Thailand, yang diselesaikan dengan dua cara. Satu me-

lalui pihak berkuasa pembangunan bersama, dan satu lagi dengan memberi tumpuan kepada pembangunan bersama di selatan Thailand dan utara Semenanjung. Maksud saya itu harus menjadi pendekatan kita.

"Saya fikir kita harus mengambil pendekatan yang sama dalam pembabitan dengan negara China, yang menjadi sahabat baik yang boleh dipercayai," katanya.

Sehubungan itu Anwar berkata, Malaysia mengorak langkah besar dalam menampilkan diri sebagai rakan kongsi yang dipercayai dengan China, manaka-

la AS kekal sebagai rakan kongsi yang sama penting kerana secara kumulatif, kekal sebagai pelabur terbesar di Malaysia.

Beliau berkata, sebagai negara sedang membangun, dengan ekonomi bergantung kepada perdagangan, Malaysia perlu bersahabat dengan banyak negara.

Mengenai peranan Jepun dalam ASEAN, Anwar berkata, Perdana Menteri, Jepun Shigeru Ishiba yang melakukan lawatan rasmi ke Malaysia baru-baru ini menyerlahkan kepentingan yang diletakkan oleh Jepun terhadap potensi ASEAN. BERNAMA